Source: THE BORNEO POST Date: 14/12/1991 Page: (76)

# Pokok menimbulkan bahaya kepada lalulintas

PERPUSTAKAAN NEGERI SARAWAK

SIBU:— Pokok-pokok teduhan yang tumbuh subur di sepanjang Jalan Ulu Lanang iaitu bermula dari Kilang Biskut Sarawak sehingga Simpang Jalan Ulu Lanang-Jalan Then Kung Suk di sini didapati boleh menimbulkan bahaya kepada lalulintas.

Kemungkinan ini tambah ketara pada musim tengkujuh sekarang di mana setiap kali hujan turun disertai angin kencang, jalan raya terbabit akan bersepah dengan daun-daun dan ranting-ranting pokok.

Kebanyakan pokok yang tumbuh di sepanjang jalan itu adalah bukan dari jenis yang keras.

Bagaimanapun setakat ini belum ada dahan-dahan yang patah, tetapi kemungkinan kejadian seperti itu berlaku tidak boleh diketepikan.

Selain itu keadaan jalan raya berkenaan yang gelap berikutan beberapa lampu yang dipasang sepanjang jalan raya itu tidak berfungsi, juga menimbulkan masalah kepada lalulintas.

Bagaimanapun masih terdapat beberapa lampu berfungsi tetapi cahayanya terlindung oleh pokok-pokok terbabit.

Sementara itu, orang ramai yang tinggal di kawasan berhampiran meminta pihak berkenaan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah itu demi menjaga keselamatan lalulintas.- Salam Ahmad



**Gambar: Jalan Ulu Lanang dari bahagian di hadapan Gudang LPN**